



28 Mei 2019
28 May 2019
P.U. (A) 147

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN) (NO. 4) 2019

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 4) ORDER 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 4) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2019**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2019.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan orang yang tidak bermastautin di Malaysia daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan yang diperoleh dari Malaysia yang berhubungan dengan apa-apa amaun bayaran untuk perisian sedia guna, lesen tapak, perisian yang boleh dimuat turun atau perisian yang digabungkan dengan perkakasan komputer peribadi, telefon pintar atau tablet yang diterima daripada pengguna akhir yang hendaklah merupakan seseorang individu pemastautin di Malaysia yang membeli perisian atau memperoleh apa-apa hak untuk menggunakan perisian bagi kegunaan peribadi dan bukan untuk kegunaan dalam perniagaannya.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang itu daripada mematuhi apa-apa kehendak bagi mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau untuk memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Ketidakpakaian

3. Seksyen 109 Akta tidak terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah Perintah ini.

Dibuat 21 Mei 2019

[Perb. CR(8.09)681/2-61(SJ.18)]LD.14(SK.9); LHDN.AYA.600-12/1/7(29)-10;
PN(PU2)80/XCIV]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127 (4)
Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 4) ORDER 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 4) Order 2019**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 March 2019.

Exemption

2. (1) The Minister exempts a person not resident in Malaysia from the payment of income tax in respect of income derived from Malaysia in relation to any amount of payment for shrink-wrapped software, site-license, downloadable software or software bundled with personal computer hardware, smartphone or tablet received from an end user who shall be an individual resident in Malaysia who purchases software or acquires any right to use software for personal usage and not for usage in his business.

(2) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the person from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the provisions of the Act.

Non-application

3. Section 109 of the Act shall not apply to the income exempted under this Order.

Made 21 May 2019

[Perb. CR(8.09)681/2-61(SJ.18)]LD.14(SK.9); LHDN.AYA.600-12/1/7(29)-10;
PN(PU2)80/XCIV]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the
Income Tax Act 1967]*